

Keadilan Islam bentuk personaliti manusia



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Keadilan menurut Islam adalah meletakkan sesuatu perkara pada tempat yang betul. Keadilan juga bermaksud memberikan layanan yang saksama.

Ia antara akhlak Islam yang mesti diamalkan dalam semua aspek kehidupan termasuk kepada seluruh manusia tanpa mengira bangsa, agama dan geografi.

Keadilan Islam membentuk personaliti seseorang manusia untuk memimpin manusia hampir kepada Tuhan yang menciptanya.

Keadilan juga menghampiri kesamaan (equality) bagi mewujudkan keadaan

seimbang dalam pengagihan hak dan tugas, tetapi tidak mempunyai identiti yang sama.

Ada kalanya, keadilan tercapai melalui ketidaksetaraan seperti dalam pengagihan kekayaan yang tidak sama rata. Islam memerintahkan setiap manusia berlaku adil atau memegang keadilan pada setiap tindakan dan perbuatan yang dilakukan.

Allah SWT di dalam (surah an-Nisa', ayat 58) yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.

Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu.

Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat."

Allah SWT sekali lagi menekankan kepentingan keadilan dalam membentuk akhlak dan peribadi seorang Muslim serta hubungannya sesama manusia.

Keadilan menjadi unsur penting untuk membina masyarakat yang adil dan makmur.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang

didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (Surah an-Nisa', ayat 135)

Perintah berlaku adil atau melaksanakan keadilan tidak memandang kepada perbezaan agama. Sepertimana ditegaskan di dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Maka kerana itu serulah

(mereka kepada agama itu) dan tetaplah sebagaimana diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikuti hawa nafsu mereka dan katakanlah: "Aku beriman kepada semua kitab yang diturunkan Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Bagi kami amal kami dan bagi kamu amal kamu. Tidak ada pertengkaran antara kami dan kamu Allah mengumpulkan antara kita dan kepada-Nyalah tempat kembali semua." (Surah asy Syuura, ayat 15)

Justeru, betapa pentingnya berlaku adil dalam Islam. Sehingga, Allah SWT memperingatkan kepada orang beriman supaya tidak berlaku sebarang kebencian terhadap mana-mana kaum yang boleh mempengaruhi

dalam berbuat adil.

Ini dinyatakan dalam satu lagi ayat di dalam surah al-Maidah, ayat 8 yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran, dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sifat adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor Jabatan Kimia di Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia